

**WASPADA AJARAN SESAT**  
**9 OGOS 2024 | 4 SAFAR 1446H**

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي أَرْسَلَ رَسُولَهُ بِالْهُدَىٰ وَدِينِ الْحَقِّ لِيُظْهِرَهُ عَلَى الدِّينِ  
كُلِّهِ وَلَوْ كَرِهَ الْمُشْرِكُونَ، أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ،  
أَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ، اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى  
سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.  
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ  
مُسْلِمُونَ.

Marilah kita berusaha meningkatkan keimanan dan ketakwaan kepada Allah Azza wa Jalla dengan melaksanakan segala suruhan dan menjauhi segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita peroleh keampunan di dunia dan akhirat.

**Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa Ta'ala.**

Ajaran sesat yang menular dalam kalangan umat Islam merupakan suatu hal yang perlu dipandang serius. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) mentakrifkan ajaran sesat sebagai “Sebarang ajaran atau amalan yang dibawa oleh orang Islam atau orang bukan Islam, yang mendakwa bahawa ajaran atau amalan tersebut adalah ajaran Islam atau berdasarkan ajaran Islam, sedangkan hakikatnya, ajaran dan amalan yang dibawa itu, bertentangan daripada ajaran Islam yang berdasarkan Al-Quran dan Al-Sunnah serta juga bertentangan dengan ajaran Ahli Sunnah Wal Jamaah”.

Kemunculan ajaran sesat bukanlah sesuatu yang baru dalam perjalanan sejarah Islam yang panjang ini. Sejak zaman Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam lagi telah muncul individu yang mengaku sebagai nabi seperti al-Aswad al-Unsi, Musaylimah al-Kazzab dan Tulayhah Ibn Khuwaylid. Kemudian, pada zaman pemerintahan Saidina Abu Bakar al-Siddiq Radiallahu Anhu, terdapat tujuh individu yang mengaku sebagai nabi. Hal ini berterusan pada zaman Saidina Umar al-Khattab Radiallahu Anhu, ada saja orang yang mengaku menjadi nabi atau membawa ajaran yang menyeleweng sehinggalah ke zaman sekarang.

Kewujudan pembawa ajaran sesat banyak kali disebutkan dalam al-Quran. Salah satunya adalah firman Allah Azza wa Jalla dalam Surah Ibrahim ayat 3:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

الَّذِينَ يَسْتَحِبُّونَ الْحَيَاةَ الدُّنْيَا عَلَى الْآخِرَةِ وَيَصُدُّونَ عَن سَبِيلِ اللَّهِ وَيَبْغُونَهَا عِوَجًا

أُولَئِكَ فِي ضَلَالٍ بَعِيدٍ ﴿٣﴾

**Yang bermaksud:** *“Orang yang mengutamakan dunia lebih daripada akhirat, dan menghalang manusia daripada jalan Allah, serta menghendaki jalan itu menjadi bengkok terpesong, mereka itulah orang yang terjerumus dalam kesesatan yang jauh terpesongnya.”*

**Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa Ta’ala.**

Ajaran sesat merupakan ancaman yang merbahaya kepada Islam. Bukan sahaja menyeleweng daripada ajaran al-Quran dan al-Sunnah, tetapi mereka juga membawa pelbagai pemikiran radikal dan ekstrim. Jika tidak dibendung, dikhuatiri mereka sanggup membunuh, mencetuskan huru-hara dan menggugat

keselamatan negara seperti menyerang balai polis dan seumpamanya. Sebab itulah umat Islam wajib mempunyai ilmu yang cukup supaya dapat mengenali ciri-ciri ajaran sesat dan mengelakkan diri daripada terjerumus menyertai kumpulan mereka.

Antara ciri ajaran sesat adalah munculnya individu yang mengaku dirinya sebagai tuhan, nabi atau Imam Mahdi. Ada yang mengaku dirinya mempunyai pelbagai keistimewaan seperti kuasa menyembuhkan penyakit, mampu menghentikan hujan lebat, pandai bercakap dengan semut dan sebagainya. Menurut Imam Ibn Kathir, pada penghujung Zaman Abbasiyah muncul kelompok masyarakat yang terlalu mendewakan individu yang dianggap memiliki keajaiban dan kuasa luar biasa. Terdapat juga mereka yang menyalahgunakan keharusan menziarahi kubur dengan melakukan aktiviti pemujaan dan menurun nombor ekor di kubur yang dianggap keramat.

Ajaran sesat juga dapat dikenal pasti jika ada ciri-ciri seperti; mendakwa bahawa solat lima waktu tidak wajib, kandungan ayat al-Quran dipersenda atau diseleweng, menyamakan agama Islam dengan agama-agama lain, mencela sahabat atau isteri-isteri Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, menyerahkan kehormatan

diri atau harta benda kepada ketua kumpulan sesat, mengubah suai syariat Islam sesuka hati, mengamalkan mantera tertentu, mengamalkan ritual-ritual yang berunsur khurafat atau syirik dan banyak lagi.

Allah Azza wa Jalla berfirman dalam Surah al-Zumar ayat 65:

وَلَقَدْ أُوحِيَ إِلَيْكَ وَإِلَى الَّذِينَ مِنْ قَبْلِكَ لَئِنْ أَشْرَكْتَ لَيَحْبَطَنَّ عَمَلُكَ

وَلَتَكُونَنَّ مِنَ الْخَاسِرِينَ ﴿٦٥﴾

**Yang bermaksud:** *“Dan sesungguhnya telah diwahyukan kepadamu (wahai Muhammad) dan kepada Nabi-nabi yang terdahulu daripadamu: "Demi sesungguhnya! jika engkau mempersekutukan (sesuatu yang lain dengan Allah) tentulah akan gugur amalmu dan engkau akan tetap menjadi orang yang rugi.”*

**Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa Ta’ala.**

Negara kita pernah dicemari dengan pelbagai ajaran sesat seperti Syiah, Musyabbihah, Mujassimah, Qadiyani, Bahai, Nasrul Haq, Ayah Pin, Tuhan Harun, Ajaran Si Hulk, Millah Abraham dan sebagainya, sebagaimana yang disenaraikan dalam laman web Jabatan Mufti Negeri Pahang.

Baru-baru ini juga, tersebar ajaran sesat dikenali sebagai ‘Agama Ahmadi’. Ia diketuai oleh seorang individu yang mendakwa dirinya sebagai pembantu Imam Mahdi yang telah muncul. Kumpulan ini aktif menyebarkan dakwah mereka di media sosial. Mereka mendakwa mempunyai kitab suci yang lain dan berkiblatkan ke arah Petra, Jordan serta menghalalkan LGBT. Ajaran ini bertentangan dengan perkara-perkara pokok atau utama dalam Islam yang boleh merosakkan akidah dan syariat umat Islam.

Antara punca masyarakat kita terjebak menjadi pengikut ajaran sesat ialah, akibat ceteknya ilmu, mencari jalan mudah untuk ke syurga dan mudah terpedaya dengan janji-janji ketua ajaran sesat. Dalam hal ini, sekiranya kita mempunyai kefahaman yang mantap dalam asas akidah, syariah dan akhlak, banyak mengikuti kelas-kelas agama serta belajar daripada alim ulama yang bertauliah, Insya-Allah kita dapat membenteng diri daripada mudah tertipu dengan dakwah ajaran sesat. Sekiranya kita mendapati ajaran sesat ini diamalkan di kawasan kita, laporkanlah segera kepada Pejabat Agama Islam Daerah yang terdekat.

## Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Azza wa Jalla.

Sebagai kesimpulan khutbah pada hari ini, dapatlah kita fahami bahawa ajaran sesat adalah ajaran dan amalan yang bertentangan dengan Islam yang berdasarkan Al-Quran dan al-Sunnah. Ikutlah ajaran Ahli Sunnah Wal Jamaah berdasarkan huraian Asyairah dan Maturidiyah dalam akidah melalui pengajian sifat 20, Mazhab Syafie dalam pengamalan fikah dan penghuraian Imam Ghazali dalam tasawwuf dan akhlak. Kita mestilah memantapkan ilmu pengetahuan dan memahami ciri-ciri akidah yang benar supaya kita tidak terjebak dengan mana-mana kumpulan ajaran sesat.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

يُرِيدُونَ أَنْ يُطْفِئُوا نُورَ اللَّهِ بِأَفْوَاهِهِمْ وَيَأْبَى اللَّهُ إِلَّا أَنْ يُتِمَّ نُورَهُ

وَلَوْ كَرِهَ الْكَافِرُونَ ﴿٣٢﴾

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنْ

آيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلْ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ

الْعَلِيمِ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ

الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ

الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.